

Media Title : Harian Metro  
Headline : Penyelia syarikat rugi RM217k ditipu Datuk Koh'  
Date : 10 July 2023  
Section : Lokal  
Page : 2



**Ipoh:** Seorang penyelia syarikat swasta kerugian lebih RM217,000 selepas menjadi mangsa sindiket *phone scam* yang mendakwa wanita itu terlibat dalam kegiatan jenayah dan mempunyai waran tangkap ke atasnya.

Ketua Polis Perak Datuk Seri Mohd Yusri Hassan Basri berkata, wanita berusia 38 tahun itu memaklumkan dia menerima panggilan telefon daripada seorang lelaki mendakwa perkerja sebuah syarikat kurier pada 26 Jun lalu.

"Suspek pertama mendakwa terdapat bung-

## SINDIKET PHONE SCAM

# Penyelia syarikat rugi RM217k ditipu 'Datuk Koh'

kusan atas nama dan alamat mangsa dan setelah melakukan imbasan imej terdapat lima kad pengenalan, lima pasport dan lima kad bank.

"Mangsa kemudian menafikan bungkusan itu miliknya dan suspek pertama meminta mangsa melakukan laporan polis secara dalam talian sebelum panggilan tersebut disambungkan kepada seorang lagi wanita yang memperkenalkan diri

sebagai Sarjan Jasmine dan kemudiannya menyatakan siasat mangsa," katanya dalam satu kenyataan.

Mohd Yusri menambah, mangsa kemudiannya disambung talian kepada suspek ketiga yang memperkenalkan diri sebagai Inspektör Wong yang mendakwa mangsa mempunyai waran tangkap atas kegiatan jenayah pengubahan wang haram termasuk perdagangan manusia.

"Mangsa akhirnya disosiasiasikan pegawai atasan iaitu Datuk Koh mengarahkan wanita tersebut mengikuti arahannya termasuk memindahkan segera keseluruhan wang simpanan dan pinjaman mangsa kepada enam institusi kewangan.

"Wanita itu yang panik telah mengikuti arahan suspek dengan memindahkan wang sebanyak RM217,000 kepada beberapa

akaun yang diberikan oleh sindiket tersebut sejak 27 Jun hingga 30 Jun lepas," katanya.

Katanya, wanita itu hanya menyedari dia menjadi mangsa penipuan selepas menceritakan kejadian tersebut kepada rakan-rakannya pada Khamis lepas sebelum membuat laporan polis berhubung kejadian tersebut pada Jumaat di Teluk Intan.

"Orang ramai dinasihatkan supaya berhati-hati dengan tidak mudah terpedaya dengan sindiket ini dan sentiasa membuat semakan dengan Pusat Respons Scam Kebangsaan (NSRC) di talian 997.

"Sebagai langkah berjaga-jaga, orang awam dinasihatkan agar tidak melayan panggilan yang tidak dikenali, maklumkan pasangan atau ahli keluarga tentang panggilan, semak dengan institusi kewangan dan balai polis terdekat serta jangan dedahkan maklumat peribadi perbankan kepada mana-mana pihak," katanya.



**“**  
**Mangsa memindahkan wang RM217,000 kepada beberapa akaun diberikan sindiket**  
**Mohd Yusri**